

Oleh : DATUK SERI SYED HAMID ALBAR
Tempat : SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TUN HABAB
KOTA TINGGI
Tarikh : 24 JANUARI 2004
Tajuk : UCAPAN DI MAJLIS PERASMIAN PROGRAM UTAMAKAN
KELUARGA – SEMAKIN HARI SEMAKIN SAYANG

Bismillahirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

Yang DiMuliakan Saudara Pengerusi Majlis

Yang Berusaha Pengarah LPPKN Johor

YBhg. Pegawai Daerah Kota Tinggi

Yang Di Hormati Ketua-Ketua Jabatan

Pemimpin Masyarakat

Tuan-Tuan, Puan-Puan dan Para Hadiri Sekelian,

Terlebih dahulu bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnianya kita diberi kesempatan dan ruang waktu untuk bersama-sama di dalam Program Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri (LPPKN), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Pejabat Daerah Kota Tinggi kerana sudi menjemput saya untuk hadir dan seterusnya merasmikan Majlis ini. Tahniah dan syabas di atas usaha dan kejayaan mereka menganjurkan program ini.

Program seperti ini merupakan suatu usaha yang baik dan murni bagi menghadapi scenario yang melanda institusi keluarga dewasa ini. Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga melalui LPPKN, ABIM dan Pejabat Daerah Kota Tinggi sedang berusaha untuk menjadikan institusi keluarga di Malaysia berada di atas landasan yang sepatutnya melalui pendekatan yang diharap mampu mengubah corak pemikiran dan tindakan setiap ahli masyarakat agar sesuai dengan kehendak massa dan negara. Ianya juga diharap akan menjadi saluran kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat dalam usaha mempertingkatkan keberkesanan kemahiran keibubapaan agar sesuai dengan peredaran zaman. Usaha ini seharusnya diberikan pujian dan dokongan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Perkembangan pesat dunia dalam menghadapi era globalisasi membawa bersama beberapa perubahan dalam struktur masyarakat, khususnya institusi keluarga. Di

Malaysia, iklim institusi keluarga juga tidak terkecuali daripada menghadapi perubahan. Jika dahulu keluarga besar atau "extended family" ini mampu mewujudkan sistem sokongan yang berkesan, namun kini trend keluarga di Malaysia lebih menjurus kepada keluarga asas atau "nucleus family".

Mengikut anggaran pada tahun 2000, jenis keluarga di Malaysia telah lebih menjurus kepada jenis keluarga asas ini yang hanya terdiri daripada ibu, ayah dan anak. Ini mewakili lebih 70 peratus daripada keluarga di Semenanjung Malaysia berbanding 64 peratus pada tahun 1991.

Dalam keluarga asas pula, sering terdapat kedua suami isteri bekerja di luar rumah. Mereka kerap menghadapi masalah penjagaan anak, cabaran bagi mengimbangi tekanan di tempat kerja dan memberi perhatian kepada keluarga. Keadaan ini membawa kepada kerapuhan institusi keluarga dan pengabaian tanggungjawab ibu-bapa terhadap anak. Ini menyumbang kepada peningkatan jumlah kes juvana yang melibatkan remaja di Malaysia. Ini satu fenomeana yang membimbangkan kerana Negara bersandar kepada kelompok remaja yang merupakan pewaris dan penerus kepada kemakmuran dan kepimpinan negara di masa akan datang.

Keperluan mendesak dan kritikal sebegini lah yang menyebabkan saya cukup yakin dan percaya bahawa program yang dianjurkan seumpama ini akan memberi impak yang besar kepada pembangunan institusi keluarga kerana ianya menggabungkan kepakaran daripada khidmat pakar agama, kaunselor, dan psikiatris. Saya difahamkan bahawa program ini adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat dan mesej yang berguna secara lebih bersistematik dan berkesan. Oleh yang demikian, wajarlah program seumpama ini diberi sokongan dan dokongan oleh masyarakat berdasarkan kesan positif yang akan ditinggalkan serta kesinambungannya melalui pendekatan program yang berterusan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Kebahagiaan sesebuah rumahtangga adalah bertitik tolak daripada keseimbangan dari segi emosi, rohani dan jasmani kerana sekiranya terdapat kepincangan daripada ketiga-tiga elemen ini maka penerusan kehidupan berkeluarga akan menghadapi masalah, khususnya selepas kehadiran "orang baru" sekiranya persediaan bakal ibu dan bapa untuk menempuh dimensi baru dalam rumahtangga tidak diberi penekanan, khususnya selepas kelahiran cahaya mata. Salahsuaian pasangan suami isteri dalam menghadapi situasi sebegini akan menyebabkan anugerah istimewa itu dianggap sebagai beban sedangkan ianya sebenarnya merupakan pengikat kebahagiaan sesebuah rumahtangga.

Kecemerlangan keluarga dalam menghadapi dunia yang serba mencabar perlu diberi penumpuan khusus terutamanya dari aspek psikologi dan proses mental untuk memastikan struktur asas dalam masyarakat ini tidak turut menghadapi dilema yang merencat pertumbuhan dan seterusnya memberi kesan yang negatif terhadap kemajuan negara kita.

Masyarakat Malaysia hari ini perlu mulai menilai dan sedar akan kepentingan perkhidmatan kaunseling dan psikiatris sebagai alternatif yang dapat membantu mereka mengimbangi tekanan yang wujud dalam diri dan persekitaran mereka. Jika ini dapat dicernakan, maka Insya-Allah, akan terbentuklah satu masyarakat yang penyayang dan budaya menyayangi yang merupakan salah satu daripada cabaran matlamat Wawasan 2020 yang menekankan keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan sosial.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Sejak akhir-akhir ini kita digemparkan dengan gejala sosial yang berlaku dalam masyarakat kita yang membimbangkan seperti sumbang mahram, delinkuen di kalangan remaja, keruntuhan akhlak, perceraian dan lain-lain lagi. Ini dikaitkan dengan kerapuhan institusi keluarga. Keadaan ini dikaitkan dengan kerapuhan institusi keluarga yang berpunca daripada kejahilan sebahagian besar pasangan suami isteri mengenai teknik dan ilmu keibubapaan. Kejahilan ibu bapa terhadap ilmu keibubapaan ini merupakan sesuatu yang merugikan dan senario ini perlu diubah dan diatasi segera demi kebaikan anak serta seluruh ahli keluarga.

Islam mengajar agar keluarga dan rumahtangga menjadi institusi yang aman, bahagia dan kukuh bagi setiap ahli keluarga kerana ia merupakan lingkungan atau unit masyarakat yang terkecil yang berperanan sebagai satu lembaga yang menentukan corak dan bentuk masyarakat. Institusi keluarga harus dimanfaatkan untuk membincangkan semua hal sama ada yang menggembirakan maupun kesulitan yang dihadapi di samping menjadi tempat menjana nilai-nilai kekeluargaan dan kemanusiaan.

Kasih sayang, rasa aman dan bahagia serta perhatian berat yang dirasakan oleh seorang ahli khususnya anak-anak dalam keluarga akan memberi kepadanya keyakinan dan kepercayaan pada diri sendiri untuk menghadapi berbagai persoalan hidupnya. Ibu bapa adalah orang pertama yang diharapkan dapat memberikan bantuan dan petunjuk dalam menyelesaikan masalah anak. Sementara seorang ibu adalah lambang kasih sayang, ketenangan dan juga ketenteraman.

Berdasarkan kepada hakikat tersebut, setiap ibu bapa ataupun pasangan yang bakal menjadi suami isteri harus mengambil inisiatif untuk mempelajari dan menghayati konsep serta matlamat perkahwinan yang disyariatkan.

Kefahaman terhadap perkara ini boleh mendorong setiap pasangan melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan teknik dan ilmu keibubapaan di samping mempersiapkan diri dari segi material, jasmani dan rohani dalam rangka memperkasa atau memperteguh institusi keluarga ini.

Walau bagaimanapun, teori dan undang-undang semata-mata tidak memadai dalam memperkasa institusi keluarga. Demikian juga pengetahuan mengenai ilmu keibubapaan bukanlah prasyarat utama dalam membina keluarga bahagia. Semuanya bertitik tolak daripada niat dan kesedaran kita sendiri dalam memenuhi tuntutan dan pembangunan keluarga dalam konteks kepentingannya terhadap agama, bangsa dan negara. Ini bermakna, tertegaknya sebuah keluarga yang harmoni dan bahagia bergantung banyak kepada penghayatan pasangan suami isteri terhadap institusi keluarga dan cara bagaimana mereka mencorakkan rumah tangganya.

Institusi keluarga penting dalam usaha melahirkan masyarakat madani dan insan rabani. Justeru itu, ibu bapa diharap lebih komited memberikan pendidikan, kasih sayang dan keperluan-keperluan asasi yang lain kepada anak-anak. Di samping itu, setiap pasangan suami isteri hendaklah memastikan yang hubungan mereka sesama sendiri dan hubungan mereka dengan anak-anak sentiasa baik dan mesra ke arah membentuk keluarga sakinah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Marilah kita bersama-sama memadu tenaga dan iltizam, untuk memperkasakan institusi keluarga agar kita lebih bersedia untuk berhadapan dengan apa saja bentuk cabaran dan perubahan yang akan menjadi penghalang kepada kesejahteraan keluarga. Ini adalah kerana kelahiran keluarga yang bahagia akan menghasilkan masyarakat yang bertanggungjawab dan seterusnya menjadi aset yang paling berharga kepada negara yang akan dapat menjana kepada kemakmuran negara.

Saya berharap LPPKN, ABIM dan Pejabat Daerah Kota Tinggi akan terus mara dengan program-program yang berikutnya dengan penuh semangat dan keyakinan. Insya-Allah, dengan berkat usaha mereka dan juga lain-lain pertubuhan, masyarakat Malaysia akan terus maju, kukuh dan terpelihara.

Saya ingin menyudahi ucapan saya ini dengan menyeru kepada anda semua supaya sayangilah keluarga anda kerana Junjungan Besar kita Nabi Muhammad S.A.W. pernah bersabda bahawa hanya orang yang penyayang akan disayangi. Utamakanlah keluarga. Semakin hari semakin sayang. Andai ada keterlukaan kita sandarkan pada kenangan.

Maka dengan harapan itu dan dengan lafaz Bismillahirrahman Nirrahim, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Program Utamakan Keluarga - Semakin Hari Semakin Sayang ini.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.